

# **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENGENDALIAN ADUAN DAN PERISIKAN AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (TAMBAHAN)**

---

**PELAKSANAAN PENGENDALIAN ADUAN  
DAN PERISIKAN DALAM TEMPOH  
PENULARAN WABAK COVID-19**

---

TARIKH KELUARAN : 29 APRIL 2020

## 1. TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan ini merupakan tambahan berkaitan prosedur pelaksanaan dan tatacara pengendalian aduan dan risikan untuk tindakan bahagian/cawangan/unit penguatkuasaan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dalam Tempoh Penularan wabak Covid-19.
- 1.2 Pelaksanaan peraturan tambahan ini bertujuan untuk mencegah penularan wabak Covid-19 dalam kalangan petugas, orang yang disyaki (OYDS) dan orang awam

## 2. TERMINOLOGI

### 2.1 Imbasan Suhu

Mengimbas atau memeriksa suhu badan seseorang sama ada suhu itu dalam keadaan normal ( $36^{\circ}\text{c}$ - $37.5^{\circ}\text{c}$ ) atau sebaliknya ( $38^{\circ}\text{c}$  keatas) dengan menggunakan termometer.

### 2.2 Simptom

Merupakan suatu gejala atau isyarat kepada seseorang individu sekiranya mempunyai tanda-tanda penyakit pada dirinya.

### 2.3 Topeng Muka

Alat Yang digunakan untuk menutup bahagian pernafasan manusia (*Nasal*) bagi tujuan menapis virus Covid-19 yang boleh tersebar melalui pengudaraan.

#### 2.4 **Hand Sanitizer**

Merupakan cecair yang mengandungi alkohol bagi membasmi mikroorganisma pada fizikal individu untuk mengelak jangkitan kuman.

#### 2.5 **Penjarakan Sosial ( *Sosial Distancing* )**

Merupakan tindakan kawalan jangkitan tidak melibatkan sebarang rawatan perubatan yang bertujuan untuk menghentikan atau memperlambatkan penyebaran/ penularan suatu penyakit berjangkit dengan melaksanakan penjarakan sekurang – kurang 1 meter.

#### 2.6 **Pihak Bertanggungjawab**

Semua Pegawai dan Kakitangan di Cawangan Aduan dan Risikan Ibu Pejabat, Pusat Gerakan Hotline / AADK Negeri / AADK Daerah.

### 3. **PROSEDUR PELAKSANAAN ADUAN BERSEMUKA**

#### 3.1 **Peraturan kepada kakitangan / pengadu ketika membuat aduan bersemuka.**

- i. Petugas penerima aduan adalah diwajibkan untuk mengenakan pakaian baju lengan panjang dan memakai topeng muka serta mencuci tangan dengan cara yang betul (menggunakan sabun dan air atau *hand sanitizer* sekiranya tiada sumber air) setiap kali berurusan dengan pengadu.
- ii. Pengadu dikehendaki memakai topeng muka, mencuci tangan dengan cara yang betul (menggunakan sabun dan air atau *hand sanitizer* sekiranya tiada sumber air), membuat pemeriksaan dan

saringan kesihatan dengan memeriksa suhu badan sebelum berurusan di kaunter aduan.

- iii. Pengadu perlu menjalani pemeriksaan dan saringan kesihatan dengan memeriksa suhu badan, simptom-simptom penyakit Covid-19 sejarah perjalanan dan kontak rapat pengadu sebelum aduan diterima (Borang Saringan Untuk Penyakit Covid-19 seperti dilampiran 2).
- iv. Petugas berhak untuk menghalang sebarang aduan bersemuka sekiranya pengadu gagal mematuhi perkara 3.1.(ii) atau tidak memakai topeng muka dan memohon kepada pengadu untuk membuat aduan melalui saluran tidak bersemuka.
- v. Petugas dan pengadu perlu mengamalkan penjarakan sosial melalui kaedah menghadkan bilangan pengadu kepada seorang sahaja, pergerakan pengadu perlu dihadkan dan menyediakan tempat perjumpaan khusus.
- vi. Sekiranya pengadu disahkan positif Covid-19 oleh KKM, langkah- langkah disinfeksi perlu dilakukan terhadap semua premis dan peralatan yang digunakan.
- vii. Memastikan semua kelengkapan pakai buang (topeng muka, sarung tangan dan lain-lain peralatan) dilupuskan dengan cara yang teratur dan selamat setelah selesai tugas.

#### **4. PROSEDUR PELAKSANAAN RISIKAN DI LAPANGAN**

##### **4.1 Sebelum Risikan**

Semua anggota risikan yang terlibat dengan risikan semasa penularan wabak Covid-19 perlu mengambil tindakan seperti berikut:

- i. Mewujudkan petugas tetap untuk pelaksanaan risikan semasa penularan wabak Covid-19 bagi tujuan mengurangkan risiko penularan jangkitan dalam kalangan kakitangan AADK.
- ii. Membuat pemeriksaan dan saringan kesihatan dengan memeriksa suhu badan, simptom-simptom penyakit Covid-19, sejarah perjalanan dan kontak rapat anggota risikan sebelum mengeluarkan arahan menjalankan risikan.
- iii. Memastikan penjarakan sosial dalam kalangan anggota risikan semasa memberi taklimat.
- iv. Memastikan semua anggota risikan mencuci tangan menggunakan sabun atau cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) sebelum memulakan tugas.
- v. Memastikan semua anggota risikan lengkap berpakaian baju lengan panjang dan memakai topeng muka.

#### 4.2 Semasa Risikan

Semua anggota risikan yang terlibat dengan risikan sepanjang tempoh penularan wabak Covid-19 perlu mengambil tindakan seperti berikut:

- i. Memastikan semua pemberi maklumat bebas daripada simptom-simptom Covid-19 dan memakai topeng muka.
- ii. Penjarakan sosial hendaklah diamalkan sepanjang proses mendapatkan maklumat.

#### 4.3 Selepas Risikan

Semua anggota risikan yang terlibat dengan risikan sepanjang penularan wabak Covid-19 perlu mengambil tindakan seperti berikut:

- i. Memastikan semua kelengkapan pakai buang (topeng muka dan lain-lain peralatan PPE yang dibekalkan) dilupuskan dengan cara yang teratur dan selamat setelah selesai digunakan.
- ii. Semua anggota yang terlibat dalam risikan perlu membasuh tangan menggunakan sabun atau cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) sebaik selesai risikan.
- iii. Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Dan Keselamatan/ Penolong Pengarah Penguatkuasaan Dan Keselamatan AADK Negeri/ Ketua Pegawai AADK Daerah perlu memantau tahap kesihatan anggota risikan dari masa ke semasa bagi mengelakkan risiko jangkitan Covid-19 selepas pelaksanaan risikan.

#### 5. RUJUKAN :


- 5.1 Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004 (Pindaan 2016)
- 5.2 Akta Penagih Dadah 1983 (Pindaan 1998)
- 5.3 Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP B10/2008) Pengendalian Aduan
- 5.4 Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP B11/2008) Perisikan
- 5.5 Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP B10/2008)(pindaan 2018)  
Pengurusan Aduan dan Maklumat Penguatkuasaan
- 5.6 Akta Pengawalan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)
- 5.7 Covid-19 : *Management guidelines for special settings* (Annex 25 & 27)

## ARAHAN KUATKUASA

Semua pelaksanaan pengendalian aduan dan risikan hendaklah mengikut Garis Panduan yang telah diwujudkan ini berkuatkuasa 16 Mac 2020.

## PENUTUP

Garis panduan ini merupakan rujukan dan panduan kepada semua pegawai-pegawai Agensi di semua peringkat pelaksana bagi memastikan urus tadbir sesuatu arahan pengurusan penerimaan aduan dan risikan serta maklumat mengikut ketetapan yang telah digarispendukan berdasarkan Akta dan Peraturan yang berkuatkuasa.




.....  
(DATO' SRI ZULKIFLI BIN ABDULLAH) CP

**Ketua Pengarah  
Agensi Antidadah Kebangsaan  
Kementerian Dalam Negeri**

Tarikh : 29/4/20 .....

Lampiran 1

**CARTA ALIR 1**  
**(PROSES KERJA : PENERIMAAN ADUAN DAN PENGUATKUASAAN**  
**SEMASA TEMPOH PENULARAN WABAK COVID-19)**







**BORANG SARINGAN UNTUK PENYAKIT COVID-19**

*(Pihak AADK boleh membuat modifikasi yang bersesuaian, mengikut keperluan setempat)*

Nama :  
 No Kad Pengenalan :  
 No Telefon :

<b>RISIKO DALAM MASA 14 HARI (TANDAKAN / )</b>		<b>YA</b>	<b>TIDAK</b>
1	Adakah anda baru balik dari melawat luar negara dalam masa 14 hari Jika YA, Nyatakan Negara yang dilawati :		
2	Adakah anda ada menyertai Ijtimak Tabligh @ mana-mana perhimpunan dalam masa 14 hari?		
3	Adakah anda ada KONTAK RAPAT dengan individu yang <b>DISAHKAN</b> Positif COVID-19?		
	a. Adakah keluarga serumah atau ahli tabligh dari kumpulan kecil, disahkan positif COVID-19?		
	b. Berada bersama di dalam bilik TERTUTUP yang menggunakan penghawa dingin lebih daripada 2 jam		
	c. Bekerja / bersemuka dalam RUANG TERTUTUP yang sama, dalam jarak kurang dari 1 METER melebihi 15 MINIT		
	d. Menaiki kenderaan yang sama (melebihi 2 jam) dalam jarak 2 kerusi (2 meter) dari individu positif COVID-19		

<b>TANDA-TANDA</b>	<b>YA</b>	<b>TIDAK</b>
Demam		
Batuk		
Sakit Tekak		
Selsema		
Sesak Nafas		
Lain-lain:		
Suhu Badan		

Tandatangan Pengadu

\_\_\_\_\_  
 Nama :  
 No Kad Pengenalan :

Tandatangan Anggota AADK

\_\_\_\_\_  
 Nama :  
 No Kad Pengenalan :